



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (17)  
Tarikh : 12 Mei 2020

---

## SIARAN MEDIA

---

PUTRAJAYA, 12 Mei 2020 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah melancarkan Portal PBTPay secara maya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri dan juga Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha KPKT.

PBTpay merupakan portal yang dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan bagi membolehkan pembayar cukai taksiran daripada seluruh Semenanjung Malaysia membuat semakan dan sekaligus membuat bayaran secara atas talian tunggal. Pemilik harta di mana-mana PBT boleh membuat bayaran cukai taksiran secara pukal berbanding secara berasingan seperti yang dilaksanakan sebelum ini.

Pembangunan portal ini sejajar dengan inisiatif kerajaan ke arah *counterless* dan ia juga turut menyumbang kepada penyelesaian risiko jangkitan COVID-19 di mana rakyat tidak digalakkan untuk keluar rumah dan boleh melaksanakan urusan secara atas talian (*online*). Pelancaran PBTPay amat tepat pada masanya kerana ini merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini selain dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melaksanakan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat.

Projek PBTpay ini telah dan akan dibangunkan secara berfasa melibatkan proses libat urus dan pewujudan *Application Programming Interface (API)* di PBT. Fasa tersebut adalah:

Fasa : selesai dan telah melibatkan sebanyak 46 buah PBT di  
1 Semenanjung Malaysia) dan telah *go live* pada 15 Januari 2020.

Fasa : telah bermula pada Februari 2020 - Disember 2020 (dijangka baki  
2 57 daripada 103 buah PBT di Semenanjung Malaysia akan menggunakan PBTPay iaitu semua 99 buah PBT di Semenanjung Malaysia dan termasuk 4 buah PBT bertaraf PBT hybrid)

PBTPay dijangka akan digunakan oleh semua PBT bagi kemudahan bayaran cukai taksiran secara individu atau pukal. Modul PBTPay juga akan diperluaskan kepada lain-lain modul pembayaran seperti kompaun, lesen dan lain-lain sistem di KPKT yang menggunakan kaedah pembayaran secara bersepadu.

PBTPay juga merupakan salah satu elemen dalam inisiatif City Gateway@KPKT yang sedang dibangunkan bagi merangkumi semua perkhidmatan KPKT yang berkait rapat dengan orang ramai.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada lapan Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid*

*Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*